



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISKRIMINASI NETIZEN MALAYSIA TERHADAP MAK NYAH DI RUANG MAYA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISKRIMINASI NETIZEN MALAYSIA TERHADAP MAK NYAH DI RUANG MAYA

NUR ALLIYA YASMIN BINTI NOOR AZLAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA (GEOGRAFI)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (↓)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

7

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 24/7/2023

i. Perakuan pelajar :

Saya **NUR ALLIYA YASMIN BINTI NOOR AZLAN (M20191000612), FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN** dengan ini mengaku bahawa disertasi yang bertajuk **DISKRIMINASI NETIZEN MALAYSIA TERHADAP MAK NYAH DI RUANG MAYA** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

af.
(Tandatangan Pelajar)

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **DR. ZURIATUNFADZLIAH BINTI SAHDAN** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar saya yang bertajuk **DISKRIMINASI NETIZEN MALAYSIA TERHADAP MAK NYAH DI RUANG MAYA** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah **SARJANA SASTERA (GEOGRAFI).**

24/7/2023

(Tarikh)

(Tandatangan Penyelia)

**DR ZURIATUNFADZLIAH SAHDAN
PENSYARAH
JABATAN GEOGRAFI & ALAM SEKITAR
FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
35900 TANJUNG MALIM PERAK**





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS
PROJEK**
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: DISKRIMINASI NETIZEN MALAYSIA TERHADAP MAK NYAH
DI RUANG MASA

No. Matrik / Matric's No.: M20191000612

Saya / I: NUR ALLIYA YASMIN BINTI NOOR AZLAN

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the OfficialSecret Act 1972*

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

af.

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 24/7/2023

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

DR ZURIATI UNPADZLIAH SAHDAN

PENSYARAH

JABATAN GEOGRAFI & ALAM SEKITAR

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

SHAMIMA BINTI MOHAMMAD

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkewaspadaan/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T, kerana di atas limpah dan kurniaNya, maka dapatlah saya menghasilkan naskah disertasi ini walaupun perjalan ini dipenuhi dengan pelbagai cabaran.

Dikesempatan ini, ucapan terima kasih ingin saya sampaikan buat penyelia saya, Dr Zuriatunfadzliah Sahdan kerana ilmu yang beliau curahkan amat membantu dalam penghasilan disertasi ini. Malah, kehadiran beliau bukan hanya sebagai pendidik, tetapi juga banyak mengajar tentang bagaimana membuatkan kehidupan ini menjadi lebih bererti sehingga saya sedar bahawa kejayaan bukan hanya diukur dengan mendapatkan kerjaya yang baik, tetapi turut melihat kepada bagaimana pemikiran manusia yang matang adalah penting dalam kehidupan bermasyarakat.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga ingin saya sampaikan buat ayahanda saya, Noor Azlan Mohd Noor yang sering meletakkan keperluan saya dalam menuntut ilmu sebagai suatu perkara yang amat penting saban hari agar saya sentiasa merasa selesa untuk melaksanakan tanggungjawab saya sebagai seorang pelajar. Tanpa pengorbanan beliau, sudah pasti perjalanan ini akan menjadi jauh lebih sukar dan sukar untuk digapai. Buat bonda saya, Kertina Saarani, terima kasih diucapkan kerana sentiasa mendengar setiap keluhan yang saya kongsikan tanpa pernah merendahkan perjalanan ini. Malah, setiap keluhan tersebut sentiasa dibalas dengan kata-kata yang mampu menghidupkan kembali jiwa ini dikala perasaan kecewa yang sering bertandang dalam diri yang serba kerdil ini. Pengorbanan ayahanda dan bonda saya tidak mampu saya balas walaupun segunung emas saya tawarkan.

Buat Abang Afiq, Adik Tisyah dan Kak Aisyah, terima kasih kerana sering meletakkan kepercayaan yang tinggi agar saya mampu berdiri dalam keadaan yang lebih bersemangat. Kehadiran anda semua membuatkan perjalanan yang panjang ini sering terisi dengan pelbagai bentuk kegembiraan dan perasaan yang penuh dengan kesyukuran.

Akhir kata, terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan disertasi ini. Semoga penyelidikan dan disertasi ini dapat dijadikan bahan rujukan yang berguna untuk semua pihak.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk memahami respons netizen di Malaysia terhadap golongan mak nyah di ruang maya. Dengan menggunakan reka bentuk kualitatif melalui kaedah netnografi, kajian ini mendapatkan data dari platform media sosial yang dimiliki oleh empat orang mak nyah. Sejumlah 3086 komen netizen telah diperoleh daripada 38 paparan yang dikongsikan oleh mak nyah. Komen tersebut seterusnya dianalisis dengan menggunakan perisian ATLAS.ti dan telah menghasilkan tiga tema utama. Pertama, netizen mengiktiraf identiti gender mak nyah sama ada sebagai seorang lelaki, pondan atau wanita. Kedua, tindakan diskriminasi netizen terhadap mak nyah adalah merangkumi tingkah laku; memboikot mak nyah, hinaan mak nyah sebagai pelacur, hinaan ciri fizikal mak nyah, hinaan perhubungan intim mak nyah, hinaan mak nyah sebagai hamba duit, hinaan penjaga mak nyah, paksaan pembuktian identiti biologi, sasaran keganasan lisan dan gangguan seksual terhadap mak nyah. Ketiga, langkah untuk mengelakkan diskriminasi oleh netizen di Malaysia adalah merangkumi tindakan saling menghormati antara satu sama lain, penerapan elemen Islam, memikirkan kesan diskriminasi terhadap mak nyah, pemantapan pengetahuan tentang mak nyah dan melaksanakan seruan untuk menghentikan gejala buli siber. Dapatkan kajian ini berupaya untuk menghasilkan panduan ke arah mewujudkan ruang maya yang selamat kepada semua golongan dengan mengambil contoh golongan minoriti seksual seperti mak nyah.





DISCRIMINATION BY MALAYSIAN NETIZEN TOWARDS MAK NYAH IN VIRTUAL SPACE

ABSTRACT

This study aims to understand the virtual space response of Malaysian netizens towards the mak nyah group. Using a qualitative research design and the netnography method, this study collects data from four mak nyah's social media platforms. From 38 posts shared by mak nyah, a total of 3086 comments were collected. The ATLAS.ti software was then used to analyse the comments, generating three key themes. First, netizens recognise mak nyah's gender identity as male, transgender, or female. Second, the discriminatory actions of netizens against mak nyah include the following: boycotting mak nyah, insulting mak nyah as a prostitute, insulting mak nyah's physical features, insulting mak nyah's intimate relationship, insulting mak nyah as a money slave, insulting mak nyah's guardian, requiring them to prove their biological identity, being the target of verbal violence and sexual harassment. Thirdly, steps to avoid discrimination as netizens in Malaysia include acts of mutual respect, applying Islamic elements, considering the impact of discrimination against mak nyah, improving information about mak nyah, and a call to end cyberbullying. Using sexual minorities like mak nyah as an example, the findings of this study can be used to create a guideline to provide a safe virtual space for all groups.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN ii

PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI iii

PENGHARGAAN iv

ABSTRAK v



KANDUNGAN vii

SENARAI RAJAH xii

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan 1

1.2 Latar Belakang 3

1.3 Permasalan Kajian 7

1.4 Objektif Kajian 8

1.5 Persoalan Kajian 9

1.6 Definisi Operasi 9

 1.6.1 Jantina, Identiti Gender dan Mak Nyah 9

 1.6.2 Ruang Maya 11

 1.6.3 Netizen 12





1.6.4 Diskriminasi	12
--------------------	----

1.6.5 Facebook	13
----------------	----

1.7 Kepentingan Kajian	13
------------------------	----

1.8 Skop dan Batasan Kajian	16
-----------------------------	----

1.9 Kesimpulan	17
----------------	----

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	18
----------------	----

2.2 Geografi Maya dan Ruang Maya	19
----------------------------------	----

2.3 Mak Nyah di Peringkat Global dan Malaysia	21
---	----

2.3.1 Persepsi Gender dan Identiti Gender	21
---	----

2.3.2 Faktor Pendorong Gejala Mak Nyah	23
--	----

2.3.3 Pemaparan Tentang Mak Nyah di Media Arus Perdana	25
--	----

2.4 Diskriminasi dan Penolakan Golongan Mak Nyah	26
--	----

2.4.1 Tindakan Memboikot Mak Nyah	26
-----------------------------------	----

2.4.2 Perkaitan Mak Nyah Dengan Pelacur	27
---	----

2.4.3 Hinaan Berkaitan Ciri Fizikal Mak Nyah	28
--	----

2.4.4 Anggapan Terhadap Perhubungan Seksual Mak Nyah	31
--	----

2.4.5 Kesukaran Mak Nyah Mendapatkan Wang	32
---	----

2.4.6 Menyalahkan Ibu Di Atas Keadaan Diri Mak Nyah	33
---	----

2.4.7 Pengesahan Identiti Biologi Mak Nyah	34
--	----

2.4.8 Sasaran Keganasan Lisan	35
-------------------------------	----

2.4.9 Gangguan Seksual Terhadap Mak Nyah	39
--	----

2.5 Impak Penolakan dan Diskriminasi Terhadap Golongan Mak Nyah	41
---	----

2.6 Penggunaan Ruang Maya Oleh Golongan Mak Nyah	42
--	----

2.6.1 Ruang Mendapatkan Maklumat dan Rujukan	42
--	----

2.6.2 Ruang Mendapatkan Kumpulan Sokongan	48
---	----





2.6.3 Ruang Untuk Menonjolkan Identiti Gender dan Merasai Pengalaman Dunia Sebenar	50
2.7 Diskriminasi Netizen di Ruang Maya Terhadap Golongan LGBT dan Mak Nyah	56
2.8 Kajian LGBT dalam Bidang Geografi	56
2.9 Kerangka Konseptual	62
2.10 Kesimpulan	64

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	66
3.2 Reka Bentuk Kajian	67
3.3 Kaedah Netnografi	68
3.4 Sampel Dan Pengumpulan Data Kajian	71
3.5 Instrumen Kajian	73
3.6 Prosedur Penganalisisan Data	76
3.7 Etika Penyelidikan	81
3.8 Kesimpulan	83



BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan	84
4.2 Persepsi Terhadap Identiti Gender Mak Nyah	85
4.2.1 Mak Nyah Adalah Lelaki	86
a) Tubuh	87
b) Wajah	88
c) Halkum	91
4.2.2 Mak Nyah Adalah Pondan	92
4.2.3 Mak Nyah Adalah Wanita	93
4.3 Tindakan Diskriminasi Netizen Terhadap Mak Nyah	95
4.3.1 Memboikot Mak Nyah	95





a) Penyisihan Mak Nyah	95
b) Memboikot Perniagaan	98
4.3.2 Hinaan Mak Nyah Sebagai Pelacur	101
4.3.3 Hinaan Ciri Fizikal Mak Nyah	103
a) Hinaan Buah Dada	103
b) Hinaan Punggung	107
c) Hinaan Tubuh	110
d) Hinaan Kemaluan	113
e) Hinaan Suara	115
4.3.4 Hinaan Perhubungan Intim Mak Nyah	119
4.3.5 Hinaan Mak Nyah Sebagai Hamba Duit	122
4.3.6 Hinaan Penjaga Mak Nyah	126
4.3.7 Paksaan Pembuktian Identiti Biologi	129
4.3.8 Sasaran Keganasan Lisan	131
a) Hinaan Keupayaan Untuk Mengandung	131
b) Makian Terhadap Mak Nyah	133
c) Simbolik Mak Nyah Sebagai Pembawa Bala	136
d) Simbolik Mak Nyah Sebagai Dajal dan Figura Yang Dipandang Rendah	139
e) Menasihati Mak Nyah Secara Sinis	142
f) Menunjukkan Perasaan Benci Terhadap Mak Nyah	146
g) Berniat Mencederakan Mak Nyah	149
4.3.9 Gangguan Seksual Terhadap Mak Nyah	151
4.4 Saranan Netizen Untuk Mengelakkan Diskriminasi Terhadap Mak Nyah di Ruang Maya	153
4.4.1 Sikap Menghormati Orang Lain	154





4.4.2 Mengabaikan Paparan Mak Nyah	156
4.4.3 Penerapan Elemen Islam	157
4.4.4 Memikirkan Kesan Diskriminasi	160
4.4.5 Memantapkan Pengetahuan Perihal Mak Nyah	161
4.4.6 Seruan Untuk Menghentikan Buli Siber	163
4.5 Kesimpulan	164

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	166
5.2 Persepsi Identiti Gender Golongan Mak Nyah Di Malaysia	167
5.3 Tindakan Mendiskriminasi Mak Nyah Di Ruang Maya	169
5.4 Langkah Untuk Mengelakkan Diskriminasi Ruang Maya	171
5.5 Implikasi Kajian	172
5.6 Cadangan Kajian Lanjutan	174
5.7 Kesimpulan	175
RUJUKAN	176





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Kerangka Konseptual	63
3.1 Kerangka proses pengutipan dan penganalisisan data	79
3.2 Paparan jumlah sampel, komen dan tema kajian	80





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pendahuluan

Golongan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) merupakan golongan minoriti seksual yang terdapat di pelbagai negara (Tonya et. al, 2019). Pada masa kini, kemunculan golongan LGBT tidak hanya berlaku secara sembunyi, tetapi telah berlaku secara terang-terangan sama ada secara fizikal maupun maya. Kemunculan golongan LGBT telah membuka ruang kepada pelbagai pihak termasuklah para pengkaji untuk menjadikan mereka sebagai fokus kajian. Keadaan ini dapat dibuktikan melalui peningkatan kajian tentang LGBT yang dihuraikan oleh pelbagai cabang disiplin ilmu seperti geografi, perubatan dan budaya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Ahli geografi meletakkan LGBT sebagai salah satu golongan yang penting untuk dikaji, termasuklah bagi bidang geografi kesihatan sebagaimana yang diketengahkan oleh Davies et al., 2018. Mereka menyatakan bahawa ahli geografi berupaya untuk mencari hubungan di antara tahap penerimaan masyarakat sosial dengan kesan terhadap kesihatan berdasarkan kepada ruang yang berkaitan dengan populasi golongan LGBT. Ahli geografi kesihatan juga mampu untuk melihat dengan lebih dekat perkaitan di antara orientasi seksual dengan penggunaan alkohol dan ubat-ubatan terlarang. Sumbangan tersebut dapat memberikan justifikasi yang baik sama ada ruang yang berbeza mampu memberikan kesan kesihatan yang berbeza terhadap golongan LGBT.

Isu LGBT juga dapat dikaitkan dengan aspek kesihatan dalam bidang perubatan. Jika dilihat melalui kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terhadap golongan LGBT, isu kesihatan dapat dikaitkan dengan kesihatan mental. Kesihatan mental bermaksud ekspresi terhadap emosi dan melambangkan keupayaan untuk menyesuaikan diri dalam pelbagai tekanan dan tuntutan hidup. Ia merupakan asas kepada individu untuk hidup dalam keadaan yang sejahtera (Firdaus, 2013). Menurut McInroy dan Craig (2015) dan Cipolletta et al. (2017), rasa saling keterhubungan antara golongan LGBT mampu membentuk sebuah komuniti sokongan. Komuniti sokongan ini adalah penting untuk membantu mereka dalam berhadapan dengan kesihatan mental mereka sendiri. Pelbagai bentuk bantuan diberikan kepada ahli kumpulan seperti memberi motivasi dan maklumat tentang cara menyesuaikan diri sebagai seorang transgender dalam masyarakat. Keadaan ini akhirnya membantu mereka menghindarkan perasaan terasing dan mampu mencapai kesejahteraan hidup sebagai seorang individu.





Yam dan Mei (2017) menjelaskan keterhubungan golongan LGBT dengan perihal budaya. Golongan LGBT berupaya mengganggu kepercayaan dan pegangan rohani masyarakat Indonesia walaupun isu LGBT dianggap sebagai satu permasalahan yang kecil di negara Indonesia. Hal ini demikian kerana golongan muda mempunyai kecenderungan untuk menerima LGBT yang disebabkan oleh gaya pemikiran mereka yang semakin terbuka. Pemikiran daripada barat menjadikan pemikiran golongan muda adalah berbeza dengan golongan yang lebih tua. Sebagaimana yang dapat dilihat di negara lain seperti di Malaysia, golongan tua lebih berpegang kepada adat dan budaya dengan lebih kukuh berbanding golongan muda. Oleh itu, pengaruh golongan muda dalam penerimaan golongan LGBT di Indonesia berupaya membawa kebimbangan terhadap kepercayaan dan pegangan rohani di sana.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kajian mengenai golongan LGBT telah mendapat perhatian para pengkaji daripada pelbagai bidang. Menerusi kajian tersebut, ia dapat memperlihatkan bahawa golongan minoriti seksual juga merupakan suatu orientasi seksual yang perlu diperhalusi dan dikaji dengan sebaiknya.

1.2 Latar Belakang

Kemunculan teknologi maklumat pada era globalisasi ini telah mengubah gaya hidup masyarakat di dunia. Kemunculan media sosial telah membuka ruang kepada masyarakat seluruh dunia untuk saling berhubung dan menjadikan media sosial sebagai ruang perkongsian pelbagai bentuk maklumat, termasuklah bagi golongan transgender. Perihal ruang dapat diperbesarkan dari semasa ke semasa di mana pada zaman dahulu, manusia lebih tertumpu kepada ruang fizikal dan kini, manusia telah berusaha memasukkan diri mereka ke dalam ruang maya. Dari sudut kemunculan LGBT, ruang





fizikal dan ruang maya memainkan peranan yang penting di mana kedua-dua ruang mempamerkan kemunculan golongan minoriti seksual tersebut.

Pelbagai kajian tentang LGBT telah dijalankan di barat seperti yang telah dilakukan oleh Burgess (2008) yang menjelaskan tentang kemunculan golongan LGBT dalam media massa kini dan media tradisional. Kajian oleh Pingel et al. (2012) pula menjelaskan tentang peranan ruang maya terhadap golongan LGBT yang akhirnya membantu dalam pembentukan identiti mereka. Bagi kajian oleh Cipolletta et al. (2017), mereka menjelaskan bagaimana ruang maya membantu golongan LGBT keluar dari perasaan sunyi dan terpinggir dan kajian yang dilakukan oleh Davis (2009) menjelaskan keupayaan ruang maya mempamerkan model peranan dalam dunia LGBT membantu dalam memberikan maklumat yang penting kepada individu LGBT yang lain. Keadaan ini menjelaskan bahawa golongan LGBT merupakan golongan yang penting untuk dikaji agar kefahaman yang jelas dapat diwujudkan dan keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat dapat dipelihara.

Di Asia, kajian mengenai LGBT juga mendapat perhatian daripada golongan pengkaji yang datangnya dari pelbagai latar belakang cabang ilmu seperti perundangan, kesihatan dan juga agama. Jika dilihat dalam konteks Malaysia, pada tahun 1988, seramai 10 000 individu transgender telah dilaporkan dan angka ini telah mengalami peningkatan pada 30 000 orang pada tahun 2018 (Berita Harian, 2018). Walaupun kajian mengenai LGBT di Malaysia tidak dilihat dengan begitu meluas seperti di negara barat, akan tetapi masih terdapat pengkaji yang meletakkan golongan LGBT sebagai sampel kajian mereka. Antara pengkaji yang mengetengahkan perihal LGBT ialah Suriati et al. (2013) dan Fadzilah dan Noremy (2019). Kajian mereka menjelaskan bahawa kemunculan golongan LGBT yang berlaku dalam kalangan pelajar pengajian





tinggi disebabkan oleh pelbagai faktor seperti keinginan mereka sendiri secara semulajadi, pengaruh persekitaran dan disebabkan oleh kurangnya kasih sayang daripada orang lain, terutamanya ahli keluarga. Selain itu, Siti et al. (2020) menjelaskan bagaimana ibu bapa menjadi pemangkin kepada perubahan identiti yang tersembunyi dalam diri seseorang yang berlainan dengan jantina asal individu tersebut. Kesimpulannya, walaupun golongan LGBT dilihat sebagai golongan minoriti seksual yang sensitif untuk dibicarakan secara umum, mereka tetap merupakan komuniti yang penting untuk dikaji dan diberikan perhatian yang sewajarnya daripada semua pihak kerana mereka juga merupakan makhluk yang memenuhi ruang di bumi ini.

Bagi negara Asia lain seperti di Indonesia, kajian tentang LGBT turut dilakukan sebagaimana yang telah dilakukan oleh Anan (2020) yang menyatakan pengalaman individu gay di Indonesia. Mereka berisiko untuk berhadapan dengan pelbagai cabaran penolakan seperti penolakan agama, penolakan sosial dan penolakan diri sendiri akan membawa kepada perasaan terasing dan sunyi. Keadaan tersebut telah menimbulkan situasi diskriminasi dan melahirkan sikap prejedis oleh masyarakat terhadap golongan minoriti seksual seperti mereka. Selain itu, kajian di Indonesia dapat dilihat melalui kajian yang dijalankan oleh Ari (2019) yang menyatakan bahawa ruang maya telah membuka ruang kepada berlakunya permasalahan buli siber dalam kalangan transgender. Melalui pemilihan Mimi Peri iaitu individu pempengaruh di media sosial sebagai sampel kajian, dapat dirumuskan bahawa masyarakat terdorong untuk melemparkan kata-kata yang negatif seperti kata-kata menghina, memalukan dan melemparkan kata-kata yang kasar terhadap Mimi Peri.





Melalui sudut pandang geografi, kepelbagaian jenis seksualiti dapat dikaitkan dengan geografi seksualiti yang mulai menjadi satu cabang ilmu geografi sejak tahun 1995 yang mengaitkan aspek ruang dengan seksualiti (Hubbard, 2018). Kajian ini menekankan individu transgender sebagai subjek dalam ruang kajian. Individu transgender merupakan individu yang memaparkan identiti gender yang berbeza dengan jantina asal semasa kelahiran mereka (Stryker, 2009). Istilah lelaki transgender (lelaki trans, lelaki transgender) adalah merujuk kepada individu yang beralih daripada kategori wanita semasa lahir kepada kategori lelaki, sementara istilah wanita transgender (wanita trans, wanita transgender) merujuk kepada individu yang beralih dari kategori lelaki ke kategori wanita (Davis, 2009). Berdasarkan kepada kajian ini, penekanan ruang kajian telah ditumpukan kepada wanita transgender. Wanita transgender adalah lebih sinonim dengan istilah mak nyah di Malaysia (Maliya et. al, 2018). Penggunaan istilah mak nyah digunakan secara konsisten dalam kajian ini. Kesimpulannya, kajian yang melibatkan golongan mak nyah dalam ruang maya belum menjadi fokus utama dalam kajian geografi khususnya di negara Asia seperti di Malaysia walaupun mereka seringkali muncul di ruang maya menerusi aplikasi media sosial yang pelbagai. Oleh itu, kajian ini telah dijalankan untuk melihat individu mak nyah menerusi ruang maya dan melihat respons netizen terhadap mereka.



1.3 Permasalahan Kajian

Secara umumnya, keselamatan ruang maya merupakan aspek penting bagi setiap individu tanpa dibataskan kepada jantina yang tertentu. Ruang maya perlu dilihat sebagai ruang yang selamat bagi setiap golongan termasuklah minoriti seksual seperti mak nyah. Berdasarkan kepada Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 di bawah Seksyen 211, pengguna ruang maya yang bersifat mengancam atau bersifat jelik perlakunya dengan niat untuk mengacau, mendera, mengugut atau mengganggu mana-mana individu boleh disabitkan kesalahan dan akan dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tempoh satu tahun (Muhammad dan Siti, 2019). Akta tersebut menunjukkan bahawa ruang maya perlu menjadi ruang yang selamat bagi setiap penggunanya. Mana-mana individu yang mengancam atau mengganggu kesejahteraan individu lain di ruang maya boleh dikenakan tindakan kerana perbuatan tersebut adalah salah di sisi undang-undang.

Menurut Abreu dan Kenny (2017) dan GLSEN (2013), melalui perspektif dunia siber, golongan belia mak nyah berhadapan dengan gangguan dan risiko buli siber yang lebih tinggi berbanding dengan golongan remaja yang lain. Keadaan ini menyebabkan gangguan kepada psikologi dan tingkah laku mereka. Mereka cenderung untuk mengalami risiko tersebut kerana tidak melaporkan kejadian yang menimpa diri mereka dalam dunia siber. Lebih menyukarkan keadaan, sempadan ruang maya adalah begitu luas hingga mewujudkan kebebasan penggunaan ruang maya seperti media sosial oleh sesiapa sahaja hingga mampu meletakkan golongan minoriti seksual sebagai sasaran untuk dibuli. Kajian lanjut perlu dilakukan untuk melihat perhubungan di antara netizen dengan golongan mak nyah untuk memperjelaskan dengan lebih tepat sejauh manakah gejala buli siber berlaku terhadap golongan mak nyah (Abreu dan Kenny, 2017).



Oleh itu, kajian dalam konteks Malaysia perlu dilakukan untuk membuktikan perkaitan diantara ruang maya dengan golongan mak nyah agar dapat membuktikan secara ilmiah gejala buli siber terhadap mak nyah turut berlaku terhadap golongan mak nyah di Malaysia seterusnya dapat merangka tindakan susulan untuk mengurangkan gejala ini.

1.4 Objektif Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk memberikan kajian yang komprehensif dan terperinci tentang respons netizen di Malaysia terhadap golongan mak nyah dengan memfokuskan kepada tindakan diskriminasi yang berlaku terhadap mereka. Ini diikuti oleh tiga objektif khusus iaitu untuk



- i) Meneliti persepsi terhadap identiti gender mak nyah berdasarkan kepada pemerhatian netizen di Malaysia;
- ii) Memerihalkan diskriminasi mak nyah di ruang maya oleh netizen di Malaysia;
- iii) Mencadangkan langkah untuk mengelakkan diskriminasi terhadap mak nyah di ruang maya.





1.5 Persoalan Kajian

Apabila permasalahan kajian telah dapat dikenal pasti, maka persoalan kajian dapat dibina. Oleh itu, persoalan kajian yang telah dibentuk adalah:

- i) Bagaimanakah persepsi terhadap identiti gender mak nyah berdasarkan kepada pemerhatian netizen di Malaysia?
- ii) Apakah bentuk diskriminasi mak nyah di ruang maya oleh netizen di Malaysia?
- iii) Apakah langkah untuk mengelakkan diskriminasi terhadap mak nyah di ruang maya?



Definisi operasi merupakan definisi atau istilah yang digunakan menerusi kajian ini secara berkala.

1.6.1 Jantina, Identiti Gender dan Mak Nyah

Jantina merupakan satu istilah yang penting untuk difahami menerusi kajian ini. Kefahaman tentang perbezaan jantina dan identiti gender perlu diteliti dengan baik agar perkaitannya dengan mak nyah dapat dijelaskan dengan sebaiknya. Jantina ditentukan melalui alat sulit individu, iaitu lelaki atau perempuan. Secara fitrahnya, hanya wanita yang boleh mengandung dan melahirkan bayi dan hanya lelaki yang akan mengeluarkan sperma (Nazrila, 2012). Disebabkan oleh jantina merupakan elemen sosial yang





penting, maka seseorang individu diharapkan dapat menjalankan peranan jantina yang telah ditetapkan sejak lahir agar dapat menjadi pelakon yang hebat di pentas dunia ini (West dan Fenstermaker, 1995). Masyarakat sering melihat bahawa jantina biologi iaitu jantina asal semasa dilahirkan merupakan penentu kepada pembahagian sosial masyarakat dan merupakan dimensi yang penting dalam sistem simbolik masyarakat. Nilai dan norma budaya akan membahagikan peranan wanita dan lelaki melalui perilaku mereka dan akhirnya ia akan membentuk identiti dan institusi sosial sebuah masyarakat (Buehler, 2007).

Menurut Stoller (1964) melalui kajian Deogracias et al. (2007), identiti gender merupakan perasaan diri sebagai seorang lelaki atau wanita. Kefahaman tersebut menjelaskan jantina adalah secara biologi dan ianya berbeza dengan identiti gender kerana jantina telah ditentukan sejak lahir, manakala identiti gender merupakan perasaan seseorang tentang jantina yang mungkin berbeza dengan alat sulit mereka.

Kehadiran identiti gender ini akan menyebabkan kecelaruan terhadap identiti mereka. Sharifah Zubaidiah Syed Jaapar, Pensyarah dan Pakar Psikiatri, Pusat Pengajian Sains Perubatan (PPSP), Universiti Sains Malaysia (USM) menjelaskan bahawa kecelaruan gender ini secara umumnya merangkumi perasaan tidak selesa pada anatomi seksual sendiri dan mempunyai keinginan mendesak untuk hidup sebagai orang yang bertentangan dengan jantina mereka. Seseorang akan mula mencari identiti mereka antara umur 10 tahun hingga 19 tahun kerana ketika itu merupakan fasa krisis identiti. Mereka akan mula mencari identiti mereka sendiri disebabkan oleh pelbagai faktor seperti keadaan emosi yang tidak stabil, perasaan ingin mencuba dan menjadi mangsa penderaan seksual terutamanya bagi mereka yang tinggal di asrama (Wan, 2019). Oleh itu, perihal identiti gender perlu diperhalusi dengan sebaiknya agar masyarakat mampu memahami akar





kepada perihal mak nyah dan mampu merangka tindakan susulan dengan sebaiknya pada masa akan datang.

Kekeliruan gender menyebabkan munculnya golongan transeksual. Di Malaysia, istilah transeksual adalah lebih sinonim dengan transeksual lelaki seperti golongan lelaki yang berpenampilan silang sebagaimana seorang wanita berbanding dengan golongan transeksual perempuan. Pada peringkat tempatan, golongan transeksual lelaki ini dikenali sebagai mak nyah yang mana istilah ini merujuk kepada mereka yang belum menjalani pembedahan penukaran jantina atau bagi golongan yang telah melakukannya (Teh, 1998). Kajian ini meneliti respons masyarakat terhadap golongan mak nyah di Malaysia yang mana akhirnya mendapati bahawa mak nyah merupakan golongan yang rentan apabila mereka memasuki ruang maya.



1.6.2 Ruang Maya

Ruang maya merupakan ruang yang berada di dalam dunia maya atau ruang yang berada dalam ruang internet. Pengguna boleh menggunakan ruang maya sebagai ruang untuk berinteraksi di antara satu sama lain menggunakan peralatan seperti komputer dan telefon pintar (Rheingold, 1993). Melalui kajian ini, ruang maya merupakan ruang yang digunakan untuk melihat interaksi yang berlaku terhadap golongan mak nyah. Mak nyah dan netizen yang merupakan pengguna kepada aplikasi media sosial merupakan subjek yang berada di ruang maya yang mana akhirnya membawa kepada penemuan tentang ketidaksejahteraan ruang maya terhadap golongan mak nyah.





1.6.3 Netizen

Istilah netizen merupakan istilah yang tidak asing lagi bagi masyarakat pada hari ini. Menurut Haubenn (1997), istilah netizen merupakan gabungan perkataan “internet” dan “warganegara” yang mana merujuk kepada individu yang mengambil bahagian dalam komuniti atas talian menerusi ruang maya dan pengguna yang menggunakan internet dengan kerap. Istilah netizen ini merupakan satu istilah yang penting dalam kajian ini kerana netizen merupakan sampel kepada kajian ini. Respons netizen adalah penting dalam memperlihatkan diskriminasi yang berlaku terhadap golongan mak nyah menerusi ruang maya.

1.6.4 Diskriminasi



Perbuatan mendiskriminasi adalah perbuatan yang dilakukan oleh kelompok manusia dominan dalam kehidupan seharian mereka yang mana mereka dengan sewenang-wenangnya menolak hak dan kuasa yang layak untuk dinikmati kelompok minoriti (Hughes and Kroehler, 2013). Keadaan ini menjelaskan bahawa hak yang sepatutnya dinikmati oleh setiap individu akan dinafikan dan individu yang didiskriminasi tidak berupaya menikmati yang yang sepatutnya. Sebagai contoh, bagi individu mak nyah, kedudukan mereka yang seringkali dilihat sebagai figura yang negatif akan berisiko untuk ketinggalan dalam menikmati hak yang sepatutnya. Kelompok mak nyah berisiko untuk didiskriminasi kerana mereka terdiri daripada kelompok seksual minoriti berbanding individu yang berada dalam kelompok majoriti.





1.6.5 Facebook

Facebook merupakan aplikasi media sosial yang sering digunakan oleh masyarakat pada hari ini. Mark Zuckerberg merupakan pelopor kepada aplikasi ini telah membuka keahliannya kepada masyarakat awam yang berumur 13 tahun ke atas pada tahun 2006 (Sarah, 2006). Aplikasi Facebook membolehkan ahli-ahlinya berhubung dengan individu lain sehingga mampu melampaui sempadan geografi dengan lebih pantas, mudah dan murah. Menerusnya, kemudahan interaksi sosial yang pelbagai ini membolehkan aktornya bukan sahaja berhubung antara satu dengan yang lain, tetapi pada masa yang sama boleh dilakukan secara bersama-sama walaupun mereka tidak bertemu secara tatap muka antara satu dengan yang lain (Mohd Khairudin dan Mohd Fauzi, 2014). Oleh itu, apabila mak nyah menggunakan aplikasi Facebook, maka pengguna-pengguna Facebook yang lain iaitu netizen akan ter dorong untuk meninggalkan pandangan mereka terhadap mak nyah yang mana akhirnya, padangan tersebut boleh diklasifikasikan sebagai pandangan yang mampu menganggu-gugat ketenteraman mak nyah di ruang maya.

1.7 Kepentingan Kajian

Hasil daripada kajian ini memberikan manfaat kepada beberapa pihak untuk dijadikan sebagai maklumat tambahan tentang perihal mak nyah di Malaysia. Kajian ini telah merungkai apakah sebenarnya pandangan netizen terhadap golongan mak nyah secara mendalam menerusi ruang maya.



Kajian ini adalah penting dalam perkembangan ilmu geografi sosial. Masyarakat pada hari ini yang datangnya dari pelbagai latar belakang telah memperlihatkan bagaimana reaksi mereka terhadap golongan mak nyah dari sudut ruang maya. Rata-rata pengguna ruang maya mempamerkan sikap menolak mak nyah di ruang maya. Hal ini demikian adalah berpadanan dengan pegangan adat dan budaya rakyat Malaysia yang menolak golongan mak nyah dari wujud dalam masyarakat. Namun begitu, keadaan yang berlaku adalah netizen menolak mak nyah sehingga bait-bait perkataan yang mereka keluarkan boleh diklasifikasikan sebagai perbuatan mendiskriminasi.

Selain itu, kajian ini juga menyumbang kepada penyebaran maklumat menerusi metodologi yang digunakan iaitu kaedah netnografi. Kaedah netnografi merupakan satu kaedah yang sangat relevan untuk digunakan dewasa ini disebabkan oleh penggunaan ruang maya yang semakin meluas. Manusia akan menggunakan ruang maya untuk pelbagai tujuan. Malah, penggunaan ruang maya juga dijadikan sebagai ruang untuk menyebarkan fahaman serta pendapat netizen kepada umum dalam jangka masa yang singkat dan berpanjangan. Oleh itu, metodologi yang digunakan menerusi kajian ini adalah penting kerana ketersampaian kepada data yang datangnya secara semulajadi membantu pihak yang terlibat dalam memahamkan pertembungan komunikasi di ruang maya yang melibatkan golongan mak nyah dan netizen.

Kajian ini juga boleh dijadikan rujukan untuk netizen termasuklah golongan mak nyah tentang bagaimana kebebasan melakukan perkongsian di media sosial dan kebebasan menyuarakan pendapat menerusi media sosial mampu mewujudkan ruang maya yang tidak sejahtera. Setiap pengguna ruang maya mengharapkan kesejahteraan dalam ruang tersebut. Bagi perspektif mak nyah, kebebasan dalam melakukan



perkongsian dan berkata-kata boleh dilihat sebagai satu tindakan provokasi yang akhirnya akan mendapat respons yang pelbagai daripada pengguna media sosial. Dari sudut netizen pula, kebebasan dalam melemparkan kata-kata boleh mendorong mereka untuk melemparkan kata-kata yang berupaya menyentuh sensitiviti golongan mak nyah secara kejam dan melampau. Keadaan ini memberikan kesan yang pelbagai kepada golongan mak nyah berdasarkan kepada cara penerimaan mereka terhadap kata-kata netizen. Oleh itu, dengan adanya rujukan yang mencerminkan keadaan ruang maya yang sebenar, maka diharapkan bahawa ia mampu membuka mata para pengguna untuk menjadi lebih berhati-hati dalam melemparkan kata-kata dan melakukan perkongsian yang mampu ditonton secara umum.

Akhir sekali, kajian ini juga merupakan sesuatu yang penting bagi Kementerian Komunikasi dan Multimedia kerana input kajian ini memperlihatkan perilaku netizen terhadap orang lain. Dari perspektif perilaku netizen di Malaysia terhadap golongan mak nyah, ruang maya boleh dijadikan sebagai medium menyebarkan fahaman kebencian akibat daripada tindakan provokasi oleh golongan mak nyah. Oleh itu, melalui kajian ini, ia membantu pihak kerajaan dalam memperkasakan undang-undang ruang maya sedia ada dengan lebih tegas dan lebih holistik yang akhirnya akan membantu dalam mewujudkan ruang maya yang harmoni di samping memelihara hak asasi manusia dengan sebaiknya.





1.8 Skop dan Batasan Kajian

Melalui kajian ini, terdapat beberapa limitasi kajian agar kajian dapat ditumpukan sepenuhnya terhadap fokus kajian yang telah ditetapkan. Kajian ini tertumpu kepada netizen yang menyasarkan golongan mak nyah di media sosial kerana media sosial merupakan platform yang sering digunakan masyarakat pada masa kini. Oleh itu, ia telah membuka kepada pengumpulan data yang banyak kepada kajian ini. Selain itu, justifikasi kepada pemilihan golongan mak nyah berbanding dengan golongan minoriti seksual yang lain adalah kerana mereka dilihat lebih terbuka dalam memaparkan identiti gender mereka yang akhirnya menyebabkan keterlihatan mereka adalah lebih menyerlah di platform media sosial seperti Facebook.

Melalui aspek media sosial, medium yang dipilih adalah Facebook. Justifikasi

kepada pemilihan medium ini adalah kerana medium ini lebih bersifat mesra terhadap pengguna yang datangnya dari pelbagai lapisan umur, bangsa dan agama. Keadaan ini membolehkan pengumpulan data secara umum dapat dikutip secara menyeluruh tanpa perlu memberatkan pengumpulan data hanya kepada suatu kelompok yang tertentu sahaja. Oleh itu, pengkaji merasakan bahawa Facebook merupakan medium yang terbaik untuk mendapatkan data kajian dan mampu menjawab objektif kajian yang telah ditetapkan.





1.9 Kesimpulan

Secara ringkasnya, kajian tentang golongan seksual minoriti ini mendapat perhatian daripada pelbagai bidang di pelbagai negara. Kajian-kajian tersebut membantu dalam merungkaikan gaya hidup dan pengalaman yang dialami oleh golongan LGBT khususnya mak nyah berdasarkan kepada ruang fizikal dan ruang maya. Oleh itu, kajian yang lebih lanjut perlu dilakukan untuk mendalami perihal mak nyah berdasarkan kepada ruang maya kerana ruang maya merupakan ruang yang begitu luas dan tidak mempunyai sempadan yang nyata. Hal ini demikian adalah penting untuk memperlihatkan sama ada kehadiran mak nyah di ruang maya mendapat respons yang positif atau negatif di ruang maya.

